

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 12 Jun 2016 16:42
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Institut Pengurusan Kualiti
Subject: IPQ JALANI AUDIT AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI 5S UUM 2016



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



12 JUN 2016/ 07 RAMADHAN 1437H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

IPQ JALANI AUDIT AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI 5S UUM 2016



IPQ ONLINE – Audit Amalan Persekitaran Berkualiti 5S peringkat UUM bagi tahun 2016 di Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) telah dijalankan oleh juruaudit dalaman UUM yang diketuai oleh Dr. Juliana Aida Abu Bakar dan disertai oleh Puan Hasliza Hassan dan Puan Yati Arikah Mohd Yusoff pada 08 Jun 2016 (Rabu). Sesi pembukaan audit bermula pada jam 10.00 pagi dengan tayangan Montaj 5S IPQ dan pembentangan ringkas berkaitan aktiviti 5S oleh Pengarah IPQ, Prof. Madya Dr. Haim Hilman Abdullah.

Pengarah IPQ dalam ucapan pembukaannya menegaskan bahawa IPQ kini dalam proses persediaan bagi mengekalkan persijilan 5S MPC sejajar dengan peranan IPQ selaku sekretariat 5S peringkat UUM. Setelah selesai sesi pembukaan, audit dokumentasi dan audit kawasan dimulakan di semua zon IPQ.

Ketua juruaudit telah membentangkan hasil penemuan audit dan beberapa cadangan penambahbaikan dalam sesi penutupan audit pada jam 2.30 petang. Warga IPQ mengucapkan ribuan terima kasih atas komitmen semua juruaudit dalam memastikan IPQ benar-benar bersedia menerima lawatan audit persijilan MPC kelak.

=====

**INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN**

**FOCUSED. ACCURATE. SHARP. TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS**

**TEL. : 04 - 928 4670/4678
FAKS :04 - 928 4660
E-MEL : ipq@uum.edu.my
<http://ipq.uum.edu.my>**